

Hak Kepimpinan Wanita Menurut Pemikiran Feminis Dan Implikasinya Terhadap Penglibatan Politik Wanita Di Malaysia

Women's Leadership Rights According To Feminist Thought And Its Implications On Women's Political Participation In Malaysia

HAZIRAH FADHLIN MD HUSSAIN* & INDRIATY ISMAIL¹

ABSTRACT

Women's leadership has been a central topic in feminist discourse for the past few decades. Feminists believe that women have the same rights to lead and participate in politics as men. However, the political reality in Malaysia indicates that women's involvement in politics is still limited and does not reflect the proportion of women in the country's population. Thus, this article discusses the concept of women's leadership rights from a feminist perspective and its implications for women's political participation in Malaysia. This article is based on content analysis and primary sources that form the basis of this writing are the famous works of scholars in this field. The main issues discussed in this article are (i) the history of feminism in Malaysia (ii) factors influencing the political development of women in Malaysia; and (iii) the implications of women's leadership rights according to feminist ideologies for women's political involvement in Malaysia. The research findings show that women have the same rights to lead and participate equally in politics and serve as a balance in decision-making. However, there are discrimination, gender stereotypes, and cultural factors that limit women's political involvement in Malaysia. Therefore, awareness and education about women's rights in politics need to be enhanced to provide more women with the opportunity to play an active role in the Malaysian political process. In conclusion, this study contributes to the understanding of the concept of women's leadership rights according to feminist thought and its implications for women's political involvement in Malaysia.

Keywords: *Women's leadership, Feminist Thought, Political Involvement, Malaysia*

PENGENALAN

Kepimpinan adalah kemampuan seseorang untuk mempengaruhi orang lain sehingga seseorang yang dipimpin tersebut mampu bertindak mengikut kehendaknya. Menurut Ordway Tead dalam bukunya yang bertajuk *The Art of Leadership*, sebagaimana dipetik oleh Kartini menyatakan bahawa kepimpinan adalah kegiatan yang dapat mempengaruhi orang-orang bawahannya supaya dapat bekerja untuk mencapai satu tujuan yang sama dalam sesebuah organisasi (Kartini 2004). Pada kebiasaannya, hak kepimpinan dipertanggungjawabkan kepada kaum lelaki sebagai gender pertama kerana pada fitrahnya mereka dianugerahkan dengan sifat yang kuat, tubuh badan yang gagah dan kesempurnaan akal yang tidak diberikan kepada perempuan. Namun, dalam era globalisasi ini telah memperlihatkan keterlibatan wanita dalam kepimpinan bukan lagi

¹ **Hazirah Fadhlil Binti Md Hussain*** (Corresponding Author), Postgraduate student at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: p121846@siswa.ukm.edu.my; **Indriaty Ismail** Ph.D., Senior Lecturer at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: indriaty@ukm.edu.my

menjadi suatu hal yang asing malah mereka diberikan hak untuk membuat keputusan dan menjadi pemimpin dalam semua bidang baik dalam institusi keagamaan, ekonomi, politik maupun dalam sesebuah organisasi kerajaan walaupun isu ini sering menjadi polemik dan perdebatan antara pro dan kontra dalam masyarakat masa kini.

Seperti yang diketahui umum, kepimpinan wanita mula bangkit sejak isu hak asasi manusia dan kesaksamaan gender disuarakan dengan lantang oleh aktivis feminis pada awal abad ke-18 dan 19. Oleh yang demikian, wanita kini mampu mendapatkan hak setaraf dengan kaum lelaki dalam segala aspek sama ada pendidikan, sosial, politik dan sebagainya. Melalui hal ini juga secara tidak langsung dapat membuktikan bahawa wanita juga mampu melakukan satu perubahan atau lonjakan paradigma kepada agama, bangsa dan negara sekaligus menjadi tonggak kejayaan dan kemajuan sesebuah negara. Oleh yang demikian, walaupun kepimpinan wanita mendapat tempat dalam kalangan masyarakat tetapi masih terdapat diskriminasi terhadap mereka dalam beberapa perkara seperti dalam pekerjaan yang melibatkan jawatan tertinggi dan hak dalam membuat sesuatu keputusan. Hal ini kerana masyarakat masih terpengaruh dengan budaya patriarki yang membezakan hak antara kaum lelaki dan wanita berdasarkan ajaran yang telah diajarkan oleh nenek moyang mereka terdahulu dalam pelbagai aspek.

Apabila diteliti dari sudut penglibatan kepimpinan wanita dalam bidang politik di Malaysia secara jelas telah menunjukkan perubahan yang ketara berbanding 10 tahun kebelakangan ini. Terdahulu wanita sering dianggap hanya sebagai peraih undi dan kumpulan sokongan bagi sesebuah parti. Namun hari ini wanita dilihat memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Hal ini memperlihatkan bahawa wanita kini mempunyai kesedaran yang jitu untuk terlibat sama dalam bidang politik yang mana mereka juga bertindak sebagai pengimbang dalam membuat sesuatu keputusan. Banyak kajian menunjukkan bahawa kaum wanita sebenarnya memainkan peranan yang penting dalam aktiviti politik dan kepimpinan. Malah kepimpinan juga tidak dipengaruhi oleh gender. Oleh itu, penglibatan serta penyertaan wanita dalam bidang ini tidak boleh dinafikan lagi, begitu juga dari sudut kemampuan untuk memimpin, kesedaran politik yang tinggi dan persediaan yang mencukupi.

PERMASALAHAN KAJIAN

Wacana mengenai hak kepimpinan wanita menurut pemikiran feminis bermula akibat dari wujudnya ketidakadilan gender dalam aspek kepimpinan sama ada dari segi sosial dan politik sehingga tercetusnya pemikiran kontemporari yang mengutamakan hak wanita dalam pelbagai aspek kehidupan (Reny Yulianti et al 2018). Hal ini dapat dilihat daripada stigma masyarakat yang menyatakan tanggungjawab utama wanita hanyalah terhad kepada pembentukan keluarga yang bahagia sehingga hak mereka sentiasa didiskriminasikan. Seterusnya, masyarakat juga beraggapan bahawa kaum wanita tidak layak untuk memimpin kerana stereotaip masyarakat yang diletakkan terhadap wanita adalah lemah, kurang kemahiran dan menganggap tiada sifat kepimpinan walaupun mereka mempunyai tahap pendidikan yang tinggi.

Isu seterusnya ialah mengenai pembahagian pekerjaan dan kepimpinan sering dilakukan mengikut gender, di mana kebanyakan kaum wanita menceburti bidang perkeranian, profesional, teknikal, perkhidmatan dan jualan (Noor Rahmah 2014). Hal

ini merupakan kesan daripada sistem patriaki yang menyebabkan wanita bergantung kepada lelaki untuk membuat keputusan. Oleh itu, lahirlah gerakan feminis untuk menuntut hak kesaksamaan gender dan berusaha untuk menstabilkan peranan lelaki dan wanita dalam pelbagai domain kehidupan (Adian 2020). Melalui usaha yang digerakkan oleh aliran feminis untuk mengembalikan hak kaum wanita dengan tuntutan kesamarataan gender dalam pelbagai aspek telah menunjukkan satu keberhasilan di mana wanita dunia kini mampu mendapatkan hak mereka sama ada dalam peluang untuk mendapatkan pendidikan, mendapat tempat dalam pekerjaan dan penglibatan mereka secara langsung dalam proses pembangunan sesebuah negara.

Namun perkara ini masih terdapat ketimpangan dalam beberapa aspek kerana masih wujud tanggapan masyarakat yang mencurigai kemampuan, kebolehan dan kecekapan wanita dalam kepimpinan sehingga jawatan tertinggi dalam sesebuah organisasi masih didominasi oleh kaum lelaki dan wanita hanya sebagai bertindak sebagai penyokong aktiviti dan bukan sebagai pembuat keputusan. Hal ini terjadi akibat dari adanya perspektif perbezaan stereotaip terhadap kaum wanita seperti mereka dianggap lemah, kurang kemahiran, emosi dan tiada sifat kepimpinan walaupun mereka mempunyai tahap pendidikan yang tinggi (Nor Rafidah et al 2017). Perkara ini boleh dilihat dengan jelas melalui situasi yang berlaku di Malaysia yang mana jumlah wanita yang memegang jawatan dipilih rakyat dalam kerajaan negeri dan persekutuan masih ditahap mengecewakan.

Jumlah perwakilan wanita di peringkat parlimen sangat kecil iaitu hanya 10.4% atau 23 kerusi daripada jumlah keseluruhan 222 kerusi parlimen manakala persidangan peringkat negeri juga menunjukkan corak yang hampir sama dengan hanya sejumlah 10.8% atau 55 kerusi dipegang wanita daripada 505 jumlah kerusi di dewan undangan negeri (Anas Alam Faizli 2017). Namun, pilihanraya umum ke-14 yang lalu, kaum wanita mendapat tempat untuk menyandang jawatan Timbalan Perdana Menteri yang mana ia merupakan pertama kali dalam sejarah Malaysia. Tidak hanya itu, perwakilan wanita di peringkat parlimen juga mencatatkan peningkatan yang berterusan yang mana pada tahun 2018 ketika pilihanraya umum ke-14 wakil wanita meningkat kepada 14.4 % dan 14.68 % pada tahun 2022 (Omar Zin 2022). Ini menandakan sistem politik di Malaysia semakin matang dengan mengiktiraf wanita sebagai pemimpin negara. Pembahagian pekerjaan secara mendatar telah didominasi oleh golongan wanita namun 30% kuota wanita dalam peringkat pembuat keputusan, masih lagi berada di bawah kuota tersebut iaitu sebanyak 19.23% (Rashila & Saliha 2010).

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bertujuan untuk menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai pemikiran feminis dalam menegakkan hak wanita di dalam aspek kepimpinan. Seterusnya, dapat menyaksikan faktor-faktor pendorong kepada perkembangan peningkatan keterlibatan wanita dalam politik Malaysia yang sememangnya semakin ketara dan wujud pertambahan perwakilan wanita dalam politik walaupun hak mereka sebagai pembuat keputusan masih dinafikan dalam beberapa perkara (Nor Rafidah et al 2017).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai objektif-objektif tertentu untuk mencapai matlamat dalam mengenal pasti Hak Kepimpinan Wanita Menurut Pemikiran Feminis dan Implikasinya

Terhadap Penglibatan Politik Wanita di Malaysia. Di antara objektif yang dikemukakan dalam kajian ini ialah menjelaskan sejarah feminism di Malaysia, membincangkan faktor-faktor perkembangan politik wanita di Malaysia serta menganalisis implikasi hak kepimpinan menurut aliran feminis terhadap penglibatan politik wanita di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan pendekatan secara kualitatif iaitu menganalisis dokumen seperti buku, jurnal dan artikel berkenaan dengan Hak Kepimpinan Wanita Menurut Pemikiran Feminis serta implikasinya terhadap penglibatan politik wanita di Malaysia. Jenis penelitian merupakan kajian perpustakaan (*Library Research*) iaitu analisis teks dan dokumentasi (*Document Analysis*). Tujuan kaedah ini digunakan adalah untuk mengembangkan pengertian, pemahaman dan konsep-konsep yang akhirnya menjadi teori sekaligus dapat memahami dengan lebih mendalam dan terperinci berkenaan subjek kajian. Dalam penganalisan data-data terkumpul, pengkaji menggunakan dua kaedah analisis iaitu analisis persejarahan dan analisis deduktif. Menerusi analisis persejarahan pengkaji menghuraikan segala yang berkaitan dengan sejarah kemunculan gerakan feminis di Malaysia manakala dalam analisis deduktif pula, pengkaji mengutip data dan maklumat secara umum kemudian pengkaji memperincikan maklumat yang dikutip lalu manjadikannya sebagai kesimpulan kajian. Metode ini banyak digunakan dalam bab berkaitan rumusan dan cadangan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Kepimpinan wanita bukanlah satu perkara yang asing malah apabila dilihat dari sudut mata kasar, dunia kini telah memperlihatkan bahawa peranan wanita adalah penting serta menjadi satu titik tolak bagi mencapai suatu kejayaan dalam pelbagai aspek sama ada ekonomi, sosial mahupun politik. Kepimpinan wanita mula bangkit sejak isu hak asasi manusia dan kesaksamaan gender disuarakan dengan lantang oleh aktivis feminis. Peranan wanita ini semakin menonjol pada abad ke-21. Oleh yang demikian, wanita kini telah mendapat hak yang setaraf dengan kaum lelaki untuk memiliki pendidikan supaya dapat meningkatkan kualiti kehidupan mereka walaupun masih terdapat diskriminasi terhadap mereka dalam beberapa perkara seperti dalam pekerjaan yang melibatkan jawatan tertinggi dan hak dalam membuat sesuatu keputusan.

Sejarah Feminisme Di Malaysia

Malaysia adalah sebuah negara demokrasi berparlimen dengan tiga kaum utama iaitu Melayu yang merupakan penduduk asal, orang India, dan orang Cina. Orang India dan orang Cina datang ke Malaysia sekitar tahun 1900 dan dibawa oleh penjajah British yang memerintah negara ini dari tahun 1874 hingga 1957 sebagai pekerja dalam perlombongan bijih timah dan ladang getah (Ariffin 1999). Menurut Ariffin (1999), sejarah penyertaan politik wanita dalam pemerintahan demokrasi Malaysia telah wujud sebelum negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Malah Asal-usul gerakan feminis di Malaysia pada abad ke-20 bermula dengan perjuangan mereka bersama kaum lelaki menentang rejim penjajah British untuk mendapatkan kemerdekaan. Perjuangan kaum wanita untuk menyertai politik bermula pada tahun 1940 dan sejak itulah terbentuknya corak pergelakan mereka dalam sayap dan parti tidak langsung telah mencetuskan perbincangan mengenai peranan wanita di tempat kerja, hak mereka kepada pendidikan

formal, dan penyertaan mereka dalam organisasi politik (Manderson 1980; Dancz 1987; Maznah 2001).

Pada tahun 1946, Parti Nasionalis Melayu atau singkatnya PNM merupakan parti politik pertama yang menubuhkan sayap wanita, yang dikenali sebagai Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Pada tahun 1948, PNM telah dilarang oleh kerajaan penjajah British disebabkan pendekatannya yang bersifat pro-Jepun, maka sayap wanita AWAS juga dihentikan. Walau bagaimanapun, pemimpin utamanya terus aktif dalam bidang politik yang berbeza. Seperti Aishah Ghani (1923-2013) iaitu pemimpin pertama AWAS telah menyertai Pergerakan Kaum Ibu (PKI) dan kemudiannya dilantik menjadi menteri dalam kerajaan pimpinan United Malays National Organisation (UMNO), Sakinah Junid (1922-2004) menyertai Parti Islam Se Malaysia (PAS) sekaligus dilantik sebagai presiden wanita PAS dan terakhir Shamsiah Fakeh (1924-2008) yang menyertai Parti Komunis Malaya (PKM). Selepas berakhirnya Perang Dunia II, parti UMNO yang bersifat bersekutu dengan British menjadi parti politik utama. Pada masa yang sama sebuah organisasi politik wanita Melayu baru telah terbentuk. PKI telah ditubuhkan pada tahun 1947 untuk menyokong UMNO yang didominasi oleh lelaki dan sering mengabaikan isu-isu wanita dan hanya memberi tumpuan kepada kepentingan politik mereka (Ng et al 1987: 129). Walaupun isu-isu wanita tidak lagi diberi perhatian, aktivis wanita masih menuntut pendidikan yang lebih baik untuk wanita dan lebih banyak wakil politik daripada kalangan wanita. Namun, perwakilan wanita dalam arena politik mengalami pertumbuhan yang sangat perlahan.

Pada 25 Ogos 1949, UMNO telah menubuhkan sayap wanita pertamanya yang dikenali sebagai Ahli-ahli Perempuan UMNO (APU), dan Putih Mariah (1914-2006) telah dilantik sebagai presiden pertama. Walau bagaimanapun, fasa awal penglibatan wanita dalam UMNO tidak ditandai dengan kepatuhan dan penerimaan terhadap organisasi lelaki yang telah ditubuhkan. Terdapat beberapa aktivis wanita dalam UMNO yang bangkit menyuarakan hak-hak wanita dan mempersoalkan ketidakseimbangan gender dalam parti tersebut antaranya ialah Khatijah Sidek (1918-1982) yang merupakan Ketua sayap wanita pada tahun 1954. Tetapi beliau dihukum kerana melanggar disiplin parti dan akhirnya dipecat dari parti (Manderson 1980: 113-114). Kemudian, pada tahun 1971, APU telah diubahsuai dan dikenali sebagai Wanita UMNO. Sejak Malaysia mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957, kerajaan yang dipimpin oleh UMNO telah mendominasi dunia politik negara ini. Mereka sangat berhati-hati terhadap tuntutan-tuntutan radikal dan isu-isu sensitif yang dibuat oleh wanita, seperti reformasi undang-undang Syariah (Dancz 1987: 161).

Berdasarkan trend global pada tahun 1960-an yang mementingkan perjuangan hak wanita bekerja maka sebuah pertubuhan wanita multietnik bukan kerajaan yang signifikan iaitu Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (MKPW), telah ditubuhkan pada tahun 1963 (Ng et al 2006:19). Ini menjadikannya sebuah badan gabungan kebangsaan untuk pertubuhan-pertubuhan wanita bukan kerajaan dan menyediakan saluran komunikasi terakhir kepada kerajaan. Tujuan pertubuhan ini ditubuhkan adalah untuk mengetengahkan dan menyelesaikan ketidakseimbangan upah atau gaji bagi kaum wanita yang pertama kali dibangkitkan oleh Persatuan Guru Wanita (PGW) yang ditubuhkan pada tahun 1960. Penubuhan National Council of Women's Organisations (NCWO) seterusnya diperkuuhkan lagi dengan wujudnya jalinan kerjasama dengan Wanita UMNO, dan berjaya menganjurkan perhimpunan pada Hari Wanita yang dianjurkan pada

25 Ogos 1962 yang melibatkan banyak pertubuhan wanita bukan kerajaan sekaligus mengangkat tarikh keramat itu sebagai tradisi tahunan untuk meraikan Hari Wanita Kebangsaan (Ng et al 2006: 20).

Seiring berjalannya waktu, pelbagai kumpulan etnik telah berusaha untuk bekerjasama melintasi sempadan etnik. Namun, NCWO tidak berjaya beroperasi dengan berkesan disebabkan beberapa sebab. Pertama, ia mempunyai kerjasama rapat dengan Wanita UMNO yang mengehadkan autonomi NCWO. Kedua, struktur kepimpinan elit etnik dalam NCWO. Walaupun kepimpinan NCWO dipilih dari kalangan wanita tiga kumpulan etnik utama tetapi mereka hanya bertindak memperjuangkan upah atau hak bagi wanita elit dan bukan berasaskan politik. Hal ini kerana pemimpin-pemimpinnya kebiasaannya berasal dari golongan kelas atas. Perkara ini dengan jelas dapat dilihat apabila tuntutan upah atau gaji yang sama hanya diperjuangkan untuk pekerjaan yang profesional sahaja dan bukan untuk pekerja perindustrian wanita (Ng et al 2006: 20) Pada tahun 1970-an, kenaikan fundamentalisme Islam menjadi satu bentuk baru patriarki. Ini tidak hanya menambah kepada struktur sosial patriarki yang sedia ada, tetapi juga mengundurkan kedudukan wanita (Ariffin 1999: 419).

Sejak itu, wanita Muslim Melayu menggunakan agama Islam untuk membenarkan pilihan mereka dalam pelbagai aspek seperti pakaian, gaya hidup dan tingkah laku sosial. Sebagai contoh, kebanyakan dari mereka mula memakai tudung kerana ia dianggap sebagai simbol Islam. Oleh itu, proses Islamisasi ini mengasingkan wanita ‘Islam’ daripada wanita lain (Ng et al 2006: 23). Sejak tahun 1975, usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui pelbagai persidangan serantau dan dunia mengenai wanita “telah membawa kepada kerjasama global di kalangan pelbagai pertubuhan wanita dan juga kepada perkembangan kesedaran feminis global” (Ahmadi 2006: 53; Verma 2002: 185). Selepas Persidangan Dunia PBB mengenai Wanita pada tahun 1995 di Beijing, wanita Melayu kelas pertengahan yang berpendidikan semakin aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan atau non-governmental organization (NGO) wanita. Di antara NGO-NGO ini, Sisters in Islam (SIS) berusaha untuk mengkaji semula tafsiran undang-undang Islam dan mendidik masyarakat tentang hak-hak wanita dalam Islam (Ariffin 1999: 421; Verma 2002: 187).

Sepanjang tempoh ini, banyak pertubuhan wanita baru seperti Women's Aid Organization (WAO), Women's Crisis Centre (WCC), kemudian dikenali sebagai Women's Centre for Change, Women's Development Collective (WDC), All Women's Action Society (AWAM), dan lain-lain muncul. Pertubuhan wanita baru ini bekerjasama dalam isu Keganasan Terhadap Wanita atau Violence Against Women (VAW) dan menyertai Kumpulan Tindakan Bersama Menentang Keganasan Terhadap Wanita (JAG-VAW). JAG-VAW telah diwujudkan secara tidak rasmi pada tahun 1985 dan kini dikenali sebagai Kumpulan Tindakan Bersama untuk Kesamarataan Gender atau Joint Action Group for Gender Equality (JAG) (Ng et al 2006: 24). Ia menjadi *ad-hoc* gabungan aktivis wanita dan NGO yang berjuang untuk kesamarataan dan demokrasi di Malaysia. Kemudian, tertubuhnya Kumpulan Wanita Kebangsaan atau National Women's Coalition (NWC) pada tahun 1992 yang di dalamnya terdiri daripada kira-kira 20 pertubuhan dan memberi tumpuan kepada pelbagai isu yang mempengaruhi wanita dalam pelbagai kelas sosial dan kumpulan etnik. Walau bagaimanapun, isu-isu VAW menjadi elemen yang paling penting untuk menyatukan pelbagai NGO wanita berbeza,

kerana ia merentasi sempadan kelas dan etnik. Oleh itu, ia menjadi daya utama yang memacu perubahan sosial (Ng et al 2006: 24-25).

Bawah National Women's Coalition (NWC) perkumpulan pelbagai kumpulan wanita dari pelbagai etnik boleh menjadi sebuah kuasa besar menentang masyarakat patriarki. Walau bagaimanapun, seperti NCWO, NWC juga masih menghadapi kesulitan dalam mempromosikan kempen mereka, terutamanya di peringkat akar umbi wanita. Selepas menghadiri persidangan PBB di Beijing, kebanyakannya aktiviti mereka terpaksa dihentikan kerana kekurangan sumber (Ng et al 2006: 25). Selepas kemerdekaan, usaha pembaharuan untuk memecahkan ketidaksamaan jantina dalam struktur parti politik tidak begitu menonjol di Malaysia. Kekuatan angka pengundi wanita gagal untuk menuntut reformasi berdasarkan jantina. Justeru, isu perwakilan wanita dalam demokrasi berparlimen kekal tidak relevan walaupun terdapat persepsi yang kuat bahawa peranan wanita dalam politik formal boleh membawa kepada perubahan bagi kawasan pilihan raya (Rashila 1998). Keadaan di Malaysia tidak seperti di negara Asia yang lain di mana perwakilan rasmi kaum wanita dalam badan perundangan negara telah kurang berpengaruh dalam menuntut dasar pro-wanita daripada peranan yang dimainkan oleh autonomi kumpulan wanita (Lee & Clark 2000).

Faktor-faktor Perkembangan Politik Wanita di Malaysia

Sekiranya dilihat pada zaman globalisasi ini, kaum wanita semakin maju malah penglibatan mereka dalam industri pekerjaan tidak lagi tertumpu kepada bidang-bidang tradisional sahaja sebaliknya kaum wanita kini mampu menembusi dominasi kaum lelaki dalam bidang-bidang kejuruteraan, kehakiman, ekonomi dan politik malah mereka turut memainkan peranan yang sangat baik dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan serta angka penglibatan wanita dalam bidang-bidang yang didominasi oleh lelaki juga semakin bertambah. Tidak dapat dinafikan bahawa peningkatan kedudukan kaum wanita Melayu kini adalah hasil daripada perjuangan awal tokoh-tokoh wanita yang berusaha mengangkat darjat dan memperbaiki corak hidup kaum wanita termasuklah mereka yang bergerak aktif melalui parti-parti politik.

Melalui usaha-usaha yang dilakukan oleh golongan intelektual di Tanah Melayu wanita mampu mencapai kemajuan dengan diberikan hak penglibatan dalam politik, hak berpersatuhan, hak pengundian, hak perwakilan dalam pembuatan keputusan dan hak terhadap pendidikan. Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) juga turut sama membantu mengoptimumkan potensi wanita supaya dapat turut sama dalam proses pembangunan negara dengan menggubal semula Dasar Wanita Negara pada tahun 1989 yang menjamin kesaksamaan diantara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber maklumat, mendapatkan peluang insentif serta mengintegrasikan kaum wanita ke dalam semua sektor pembangunan untuk meningkatkan mutu kehidupan, membasmi kejahilan dan buta huruf serta memastikan negara berada dalam keadaan aman dan makmur (KPWKM 2009).

Apabila ditelusuri daripada sejarah penglibatan wanita dalam bidang politik Malaysia menunjukkan bahawa pada peringkat awal pembabitan mereka sangatlah terbatas sehingga tercetusnya tragedi rusuhan kaum pada 1969 yang membawa kepada perubahan dasar-dasar negara di mana turut meninggalkan kesan positif terhadap perkembangan politik wanita. Hal ini juga secara tidak langsung telah mengubah persepsi

masyarakat terhadap peranan dan kemampuan kaum wanita. Daripada sekadar penyokong kempen, peraih undi dan pengundi sewaktu pilihan raya, wanita muncul sebagai calon yang bertanding dalam pilihan raya malah mereka juga turut serta memperjuangkan hasrat dan aspirasi wanita dalam penggubalan dasar, pentadbiran dan pembangunan. Selain daripada usaha, bantuan dan perjuangan yang telah diberikan oleh tokoh-tokoh wanita Melayu terdahulu terhadap perubahan penglibatan politik wanita di Malaysia, seiring berjalannya waktu terdapat juga faktor lain yang mempengaruhi perkembangan penglibatan politik wanita pada masa kini. Antaranya ialah faktor pendidikan, sosial, persekitaran, ekonomi, amalan demokrasi dan dasar agama.

Faktor pertama yang mempengaruhi perkembangan politik wanita di Malaysia ialah faktor pendidikan. Memang tidak dapat dinafikan pendidikan merupakan sesuatu yang amat penting pada masa kini bukan sahaja kepada kaum lelaki bahkan juga kepada kaum wanita. Fenomena kini mempelihatkan ramai wanita mulai mendominasi pendidikan sama ada di peringkat tinggi maupun rendah. Hal ini menunjukkan bahawa kaum wanita kini semakin sedar betapa pentingnya pendidikan yang sekaligus membawa perubahan yang nyata kepada mereka. Menurut Sharifah (2010: 153) Enrolmen kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi menunjukkan jumlah pelajar wanita adalah lebih ramai berbanding dengan pelajar lelaki. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa peluang wanita memperoleh pendidikan lebih terbuka berbanding dahulu. Ini secara tidak langsung memberikan kelebihan kepada kaum wanita untuk turut serta mengambil bahagian dalam politik dan berhak untuk mendapatkan jawatan serta bertindak sebagai pembuat keputusan.

Faktor kedua ialah sosialisasi yang mana apabila dilihat daripada perkembangan wanita menceburi bidang politik juga dipengaruhi oleh ahli keluarga (Manderson 1981: 183-189). Menurut Nik Safiah dalam karyanya yang bertjauk '*Wanita Malaysia*' (1990: 60) lazimnya para wanita yang menyertai politik kerana didorong oleh saudara lelakinya. Hal ini juga disokong oleh Ching (1999) yang mendakwa bahawa sudah menjadi tradisi masyarakat Asia bahawa kaum wanita yang menceburi diri dalam bidang politik dan dipilih sebagai pemimpin kerana faktor suami atau ayah. Misalnya seperti Wan Azizah dan Nurul Izzah yang mana mereka terlibat dalam politik atas faktor dorongan ahli keluarga. Walaubagaimanapun kredibiliti mereka sebagai pemimpin masih dipertikai akibat mendapat sokongan rakyat atas penyokong Anwar Ibrahim dan simpati rakyat.

Faktor ketiga ialah persekitaran. Sekiranya dilihat penglibatan wanita dalam bidang politik kini terdiri daripada golongan yang profesional. Hal ini kerana wanita yang berjaya menguasai bidang profesional mempunyai kesedaran politik yang tinggi dan mampu menyumbang buah fikiran dan tenaga demi kemajuan negara sekaligus bertindak sebagai pembuat keputusan bagi menyelesaikan masalah-masalah politik (Nor Rafidah et al 2017). Tidak hanya itu, dengan wujudnya pelbagai keganasan dan diskriminasi terhadap wanita kini juga secara tidak langsung mendorong kaum wanita untuk terlibat dalam politik supaya dapat memperjuangkan hak-hak wanita dan bersuara demi menegakkan keadilan terhadap kaum wanita yang teraniaya.

Seterusnya penyertaan kaum wanita dalam bidang ekonomi juga merupakan antara penyumbang terbesar kepada perkembangan wanita dalam bidang politik. Hal ini kerana wujudnya pelbagai dasar dan transformasi ekonomi yang dibangunkan oleh kerajaan yang mengetengahkan wanita untuk turut serta dalam institusi pekerjaan dan merancakkan lagi ekonomi negara seperti perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 sehingga tahun 1990 yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan

perbezaan taraf ekonomi, Dasar Pembangunan Negara (DPN) pada tahun 1991 sehingga tahun 2000, Dasar Wawasan Nasional (DWN) pada tahun 2001 sehingga tahun 2010, Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) pada tahun 2011 sehingga 2015, Rancangan Malaysia Ke-11(RMKe-11) pada tahun 2016 sehingga tahun 2020 dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) pada tahun 2021 sehingga 2025 (Nor Rafidah et al 2017). Dengan adanya dasar-dasar ini kaum wanita mampu memperoleh pendapatan yang setanding dengan profesi pekerjaan mereka serta menonjolkan potensi dan kebolehan yang mereka miliki untuk sama-sama mengembeleng tenaga dalam memajukan ekonomi negara.

Faktor kelima yang menyumbang kepada perkembangan wanita dalam bidang politik ialah amalan demokrasi. Demokrasi menyediakan platform yang lebih terbuka dan inklusif bagi wanita terlibat untuk terlibat aktif dalam politik dan kerajaan. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menandatangani Rencana Tindakan Beijing 1995 dengan menggalakkan 30 peratus penyertaan wanita dalam agensi kerajaan (Fatimi et al 2015: 229). Namun begitu, kaum wanita pada abad ke-21 masih menghadapi semua peringkat pemimpinan dan diskriminasi secara global (Kumar 2017).

Walaupun terdapat banyak perbincangan dan perdebatan di peringkat global tentang bagaimana kaum wanita harus diperkasakan dari segi politik dan diberi bahagian yang saksama dalam perwakilan politik, kepimpinan awam dan tadbir urus dalam negara demokrasi, pencapaian itu masih jauh untuk direalisasikan. Hal ini kerana masyarakat masih dipengaruhi oleh tradisi dan adat Melayu yang mengekang wanita daripada menonjol dalam masyarakat. Walaupun realitinya wanita telah keluar seiring dengan lelaki dalam mencari rezeki atau dengan kata wanita mempunyai kerjaya yang tersendiri.

Akhir sekali, dasar agama yang diamalkan dalam majoriti masyarakat juga merupakan antara faktor terbesar dalam mempengaruhi perkembangan wanita dalam bidang politik. Walaupun dunia semakin maju, tetapi masih terdapat segelintir masyarakat yang masih dibelenggu dengan pemikiran-pemikiran yang kolot sehingga menidakkann keterlibatan wanita dalam arena politik serta beraggapan bahawa wanita yang berpolitik telah melanggar fitrah keperempuanannya (kewanitaannya) kerana politik itu sendiri dirasakan sebagai suatu kekerasan, kekuasaan, kelicikan dan tipu daya. Keadaan ini bagi mereka hanya sesuai disandang oleh kaum lelaki, selain mereka memandang bahawa politik tidak ada kaitannya dengan Islam (Fatimi et al 2015: 231). Dengan wujudnya pelbagai tanggapan ini menyebabkan wanita Malaysia sukar diberi peluang untuk menyertai politik dan memajukan diri.

Namun apabila dipandang daripada sudut agama sendiri Islam yang menjadi pegangan majoriti masyarakat Malaysia, Islam tidak melarang kaum wanita untuk menjadi pemimpin malah Islam membolehkan para wanita untuk terlibat aktif dalam arena politik hingga ke peringkat memegang jawatan Perdana Menteri sekiranya memperoleh kemampuan untuk mentadbir. Bertepatan dengan ajaran Islam sebagai agama rasmi Malaysia maka wanita Islam dibolehkan untuk turut serta dalam politik khususnya dalam calon pilihan raya dan menjadi anggota parlimen. Oleh itu, penglibatan mereka dalam arena politik harus disambut dengan baik tanpa ragu dengan mengambil kira syarat-syarat yang telah digariskan dalam Islam.

Kesimpulannya, di sebalik kemajuan penyertaan politik wanita di Malaysia, masih terdapat cabaran dan halangan yang perlu diatasi, termasuk stereotaip gender yang berterusan dan ketidaksamaan dalam perwakilan politik. Namun, dengan usaha

berterusan dan sokongan pelbagai pihak, harapan wanita di Malaysia untuk terus mengambil peranan yang lebih besar dalam arena politik tanah air.

Implikasi Hak Kepimpinan Menurut Aliran Feminis Terhadap Penglibatan Politik Wanita Di Malaysia

Kepimpinan yang berwibawa merupakan elemen asas sebagai peneraju kecemerlangan sesebuah negara dan bangsa. Imej dan identiti negara mahupun bangsa boleh tergugat dek kerana rosak atau lemahnya kepimpinan. fenomena penglibatan wanita dalam kegiatan politik adalah salah satu daripada pengaruh budaya Barat. Wanita Barat sebenarnya masih mengalami diskriminasi daripada pihak lelaki dalam masalah upah dan gaji pada masa itu. Maka, berlakulah satu gerakan yang menuntut persamaan hak wanita seperti yang dinikmati oleh kaum lelaki yang dikenali sebagai feminism atau (*al-nisawiyah*) (Mohd Roslan et al 2012). Di Barat, pemikiran dan gerakan feminism ini telah membina sebuah keyakinan sehingga ia menjadi satu dogma bahawa “tidak ada apa pun yang membezakan antara lelaki dengan wanita, sekalipun secara semula jadi (Zulkifli, 2009: 340). Akhirnya, wanita telah diberi kebebasan dalam pelbagai bidang agar setanding dengan golongan lelaki.

Namun, dalam keterlibatan wanita dalam kepimpinan politik yang dipengaruhi oleh gerakan feminism Barat memberikan impak yang besar dalam memperkasakan hak-hak wanita di Malaysia walaupun terdapat perbezaan dari segi asal usul dan watak politiknya. Feminisme hanyalah satu daripada banyak kuasa ideologi dan budaya yang bersaing untuk penerimaan sosial. Aliran feminis menekankan pengiktirafan dan peluang saksama bagi wanita dalam kepimpinan politik. Ini termasuk penglibatan dalam parti politik, pemilihan awam, dan pelbagai jawatan kerajaan. Dengan memberi wanita hak untuk memimpin tanpa diskriminasi berdasarkan jantina, ini memperluaskan peluang mereka untuk berkhidmat dalam kerajaan dan membuat perubahan dalam dasar politik.

Selain itu, dengan adanya perjuangan hak wanita daripada kalangan feminis ini juga membantu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu yang melibatkan kaum wanita serta mendorong untuk mengatasi diskriminasi dan stereotaip gender dalam politik. Tidak hanya itu, dengan adanya keterlibatan wanita dalam kepimpinan juga secara tidak langsung telah memberikan inspirasi kepada generasi muda untuk terlibat dalam politik dan meraih kedudukan dalam kepimpinan. Ini penting dalam mengubah budaya politik yang mungkin masih didominasi oleh lelaki. Malah hak kepimpinan yang digariskan oleh aliran ini juga secara tidak langsung membantu menyokong program latihan dan pendidikan yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan keyakinan wanita dalam politik. Ini termasuk menggalakkan penyelidikan dan pendidikan yang berfokus pada isu-isu politik dan gender.

Namun perlu disedari, di sebalik impak positif yang terdapat dalam hak kepimpinan menurut aliran feminis ia juga mengundang kepada beberapa kesan negatif bagi negara yang majoriti masyarakatnya beragama Islam seperti di Malaysia. Hal ini kerana penerapan kepimpinan berasaskan pendekatan feminis mungkin bercanggah dengan tafsiran tertentu terhadap agama Islam dan nilai sosial tradisional. Hal ini boleh dilihat melalui gerakan feminism Islam antarabangsa iaitu Musawah yang memperjuangkan kesaksamaan dan keadilan dalam keluarga Islam tetapi dalam masa yang sama cuba membawa satu fahaman yang baharu sehingga merasakan asas pemikiran fiqh Islam sebagai hukum yang tidak lagi relevan bahkan menjadi penghalang kepada ‘perubahan’ ke arah undang-undang Islam yang bersifat ‘egalitarian’ sejajar dengan

paradigma hak asasi manusia semasa (Md Asham 2022). Ini boleh menimbulkan keraguan terhadap akidah umat Islam kerana wujudnya pembaharuan yang bercanggah dengan akidah Islam yang sebenar.

Kesimpulannya, penglibatan politik wanita di Malaysia akan terus berkembang sejalan dengan upaya mempromosikan kesetaraan gender dan pengiktirafan hak wanita dalam kepimpinan politik. Aliran feminis dapat memainkan peranan penting dalam proses ini dengan mendorong perubahan sosial, budaya, dan politik yang lebih inklusif dan saksama bagi semua individu, tanpa mengira jantina. Namun perlu diakui di sebalik terdapat impak positif dalam kepimpinan yang dibangunkan oleh golongan feminis terdapat juga kesan negatif terhadap cara kepimpinan mereka sehingga bercanggah dengan tafsiran dan nilai sosial Islam. Oleh itu, Malaysia yang majoritinya masyarakat bergama Islam haruslah mengimbangi antara usaha mempromosikan kesetaraan gender dan menjaga nilai-nilai agama dalam kepemimpinan politik khususnya dalam memperjuangkan hak wanita.

KESIMPULAN

Kajian di atas mendapati keterlibatan wanita dalam kepimpinan bukan lagi menjadi suatu perkara yang asing walaupun isu ini sering menjadi polemik dan perdebatan antara pro dan kontra dalam masyarakat masa kini. Masyarakat kini perlu sedar bahawa pembangunan negara bukan hanya merujuk kepada pembangunan ekonomi semata-mata tetapi ia meliputi pembangunan sahsiah dan perpaduan ummah. Oleh itu, pembangunan yang melibatkan unsur-unsur sosial seharusnya melibatkan kaum wanita. Hal ini kerana dengan adanya keterlibatan wanita dalam pembangunan sesebuah negara nescaya dapat mewujudkan peluang yang sama rata dan layanan yang adil antara jantina untuk berganding bahu bagi membentuk kemajuan diri sebagai rakan kongsi dalam sesebuah keluarga mahupun masyarakat. Oleh itu, wanita perlu bangkit dan berani membina keyakinan diri supaya lebih bersedia menghadapi cabaran yang mendarang supaya mampu memperkasa representasi mereka sekaligus menangkis segala persepsi dan diskriminasi masyarakat terhadap kemampuan, kebolehan dan kecekapan wanita dalam kepimpinan.

RUJUKAN

- Adian Husaini. 2020. *Jangan Kalah Sama Monyet: 101 Gagasan Pemandu Pikiran pada Era Kebohongan*. Yogyakarta: Pro-U Media.
- Ahmadi, Fereshteh. 2006. Islamic Feminism in Iran: Feminism in a New Islamic Context. *Journal of Feminist Studies in Religion*, 22(2), 33-53. Havard Divinity School.
- Anas Alam Faizli. 2017. Wanita Kunci Kekuatan Sosio-ekonomi Malaysia, *Berita Awani*, 11 Januari.
- Ariffin, R. 1999. Feminism in Malaysia: A Historical and Present Perspective of Women's Struggles in Malaysia. *Women's Studies International Forum* 22(4), 417-423.
- Ching Frank. 1999. 'Wake up call', *Far Eastern Economic Review*.

- Dancz, Virginia H. 1987. *Women and Party Politics in Peninsular Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- Fatimi Hanafi, Zulkarnain Abdul Rahman & Arbaiyyah Mohd Noor. 2015. Faktor-faktor Penglibatan Wanita Melayu Dalam Politik di Malaysia: Amalan Demokrasi dan Dasar Agama Islam, *Social Science Postgraduate International Seminar (SSPIS)*, 228-236, e-ISBN 978-967-11473-2-0.
- Kartini Kartono. 2004. *Pemimpin dan Kepimpinan: Apakah Kepimpinan Abnormal Itu?* Jakarta: PT Raja Granfindo Persada.
- Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). 2009. *Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita*.
- Kumar, D. (2017). Participation of women in politics: Worldwide experience. *IOSR Journal of Humanities and Social Science (IOSR-JHSS)*, 22(12), 77-88. doi: 10.9790/0837- 2212067788.
- Lee, Rose J. & Clark, Cal. 2000. *Democracy and the Status of Women in East Asia*, Boulder, CO and London: Lynne Rienner Publishers.
- Manderson, Lenore. 1980. *Women, Politics and Change: The Kaum Ibu UMNO Malaysia, 1945–1972*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Manderson, Lenore. 1981. *Wanita Politik dan Perubahan*. (terj) Samsudin Jaapar. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Maznah Mohamad. 2001. ‘*At the Centre and Periphery: The Contributions of Women’s Movement to Democratisation*’. In Loh Kok Wah and Khoo Boo Teik (eds). *Democracy in Malaysia: Discourse and Practice*. London: NIAS/Curzon Press.
- Md Asham Ahmad. 2022. Feminisme Islami: Suatu Kritikan Terhadap Faham Keadilan Musawah”, *Afkar* 24 (1): 1-32.
- Mohd Roslan dan Siti Zafrina. 2012. Wanita dan Politik Pilihan Raya Menurut Perspektif Al-Quran, *Proceedings: The 2nd Annual International Qur’anic Conference 2012*, 358-374, ISBN 978-967-5534-20-1.
- Ng, Cecilia, Maznah Mohamad & Tan Beng Hui. 2006. *Feminism And The Women’s Movement In Malaysia: An Unsung (R)evolution*, Abingdon and New York: Routledge.
- Ng, Cecilia, Siti Nor Hamid & Syed Husin Ali. 1987. ‘*Rural Development Programmes, Women’s Participation and Organisations in Malaysia*’. In Noeleen Heyzer (ed.) *Women Farmers and Rural Change in Asia: Towards Equal Access and Participation*. Kuala Lumpur: Asia and Pacific Development Centre.
- Nik Safiah Karim. 1990. *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*, Kuala Lumpur: K Publishing & Distributors

- Noor Rahmah. 2014. Nota Penyelidikan Gender dan Pekerjaan di Malaysia: Perlunya Tempat Kerja yang Mesra Wanita, *Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (2):179-186, ISSN 2180-249.
- Nor Rafidah Saidon, Sity Daud & Mohd Samsudin. 2017. *Faktor Kempimpinan dan Gender Dalam Penglibatan Politik Wanita di Malaysia 1980 – 2013*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar Zin. 2017. Angkat lebih ramai wanita jadi ahli Parlimen, *Utusan Malaysia*, 8 Mac.
- Rashila Ramli & Saliha Hassan. 2010. *Wanita dan Pembangunan Politik di Malaysia: Alaf Baru, Politik Baru. dalam Himpunan Makalah Wanita dan Pembangunan di Malaysia: Satu Kesinambungan Menyusuli Perubahan Selama Empat Dekad*. Kuala Lumpur: MPH Group Printing (M) Sdn Bhd.
- Rashila Ramli. 1998. Democratization in Malaysia: towards gender parity in political participation. *AKADEMIKA*, (53):61-76, ISSN 0126-5008.
- Reny Yulianti, Dedi Dwi Putra & Pulus Diki Takanjanji. 2018. Women Leadership: Telaah Kapasitas Perempuan Sebagai Pemimpin, *MADANI Jurnal Politik dan Sosial Kemasyarakatan*. 10 (2):14-29, e-ISSN 2620-8857; p-ISSN 2085-143X.
- Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar. 2010. *Isu-Isu Dalam Pengajian Islam Siri*. Johor: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn.
- Verma, Vidhu. 2002. *Malaysia: State and Civil Society in Transition*. Boulder, Colo: Lynne Rienner.
- Zulkifli Dahalan. 2009. *Sejarah Pemikiran dan Tamadun Islam*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), hlm 340.